

12/03/1997

Nahas akan disiasat secara menyeluruh

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, nahas helikopter yang meragut nyawa tokoh korporat, Tan Sri Yahya Ahmad, di Kuala Lipis, Pahang, minggu lalu, akan disiasat secara menyeluruh.

Menurut Perdana Menteri, pihak berkuasa akan mengenal pasti punca nahas yang berlaku pada 3 Mac di Kampung Atong, itu.

"Kita akan menyiasat punca helikopter itu terhempas," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas nahas yang menyebabkan kematian Yahaya serta isterinya, Puan Sri Rohana Othman serta juruterbang, Mejar (B) Azlizan Abdul Manas.

Helikopter Agusta A 109E Power milik Gadek Aviation itu terhempas ketika Yahaya dalam perjalanan menziarahi ibunya yang sakit tenat di Kuala Terengganu.

Ketika ditanya sama ada nahas berpunca perbuatan khianat, Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu sama ada ada mana-mana pihak yang sanggup berbuat demikian.

"Saya tidak nampak sebab mengapa ada orang mahu mengkhianati pesawat itu. Mengapa orang mahu membunuh beliau?" katanya selepas memberi Taklimat Perdana Mengenai Koridor Raya Multimedia (MSC) dan Gejala Sosial kepada semua wakil rakyat Barisan Nasional (BN) di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, hari ini.

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, pemimpin 14 parti komponen BN serta ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Sementara itu, Anwar ditanya mengenai kejatuhan saham DRB di Bursa Saham Kuala Lumpur (KLSE) semalam selepas urus niaganya digantung sejak Selasa lalu berkata:

"Kita tidak boleh membuat rumusan dalam satu hari. Kita perlu tunggu beberapa hari lagi," katanya.

(END)